



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## LHDNM BERJAYA KUMPUL 494 PAIN DARAH

Cyberjaya, 15 Feb – Sebanyak 494 pain darah berjaya dikumpulkan pada Program Derma Darah anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) hari ni bagi mengisi bekalan darah di Pusat Darah Negara (PDN) dan hospital-hospital seluruh negara.

Datuk Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM berkata, Program Derma Darah ini merupakan acara tahunan LHDNM sebagai salah satu pengisian bagi Sambutan Hari Hasil yang akan disambut pada 1 Mac setiap tahun.

Selain itu, ia juga sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat LHDNM kepada masyarakat kerana menyedari bekalan darah amat diperlukan oleh Pusat Darah Negara dan hospital-hospital kerajaan.

Berbeza penganjurannya dengan tahun-tahun lalu, program kali ini dijalankan serentak di 11 pejabat LHDNM terpilih iaitu di Cyberjaya, Alor Setar, Sungai Petani, Kangar, Ipoh, Klang, Melaka, Kluang, Kota Kinabalu, Tawau dan Sibul.

Sambutan daripada kakitangan LHDNM dan masyarakat sekitar untuk menderma darah sangat menggalakkan. Justeru berdasarkan sambutan ini, LHDNM bercadang untuk turut menganjurkan program seumpama ini di lebih banyak pejabatnya pada masa hadapan sebagai salah satu pendekatan merakyatkan LHDNM, ujar Datuk Sabin lagi pada program derma darah itu.

Sementara itu, Pegawai Perubatan Pusat Darah Negara, Dr. Anis Diyana Arifin berkata, PDN sentiasa mendapat permintaan bekalan darah daripada hospital seluruh negara. Justeru bagi mengelakkan kekurangan bekalan darah, orang ramai digalakkan untuk menderma darah di PDN atau mana-mana hospital kerajaan yang berhampiran dengan mereka. “Kita sangat menghargai agensi kerajaan seperti LHDNM yang sentiasa bekerjasama dan cakna dengan keperluan PDN dengan menganjurkan program sebegini. PDN mengharapkan agar lebih banyak agensi kerajaan mahu pun swasta menganjurkan aktiviti sebegini kerana kita yakin darah penderma mampu menyelamatkan banyak nyawa yang memerlukannya,” katanya.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 15 Februari 2017.**



**Antara penderma yang berjaya menderma darah di LHDNM Cyberjaya**



**Datuk Sabin bersama-sama petugas dan penderma darah di Kota Kinabalu, Sabah**



**Datuk Sabin mengucapkan sesuatu kepada salah seorang penderma darah**



**Datuk Sabin menjalani pemeriksaan ketika melawat Program Derma Darah di LHDNM Kota Kinabalu**